

**Kesesuaian Pengeluaran Fatwa Mengenai
Kewajipan Memelihara Keselamatan di Jalan Raya**

Iskandar Abdul Hamid^{1}, Khairil Anwar Abu Kassim¹, Wan Haslan Khairuddin², Abu Dardaa Mohamad², Zarir Zulkipli¹, Syazwan Solah¹, Kamarul Azhar Kamarudin³, Ahmad Sufian Abdullah⁴, Azhar Hamzah¹, Zulhaidi Jawi¹.*

¹*Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS),
43000 Kajang Selangor, Malaysia*

²*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*

³*Fakulti Kejuruteraan, Universiti Tun Husein Onn, Batu Pahat, Johor, Malaysia*

⁴*Fakulti Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang, Malaysia*

**Pengarang perhubungan. Email: iskandar@miros.gov.my Tel:03-89249377*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pandangan para otoriti agama di Malaysia berkenaan kesesuaian pengeluaran fatwa mengenai kewajipan memelihara keselamatan di jalan raya. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan metode kualitatif secara deskriptif, iaitu dengan menemubual mufti-mufti negeri dan wilayah di seluruh Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa kesemua para mufti bersetuju agar fatwa dikeluarkan mengenai perkara ini, sama ada berbentuk fatwa yang digazetkan atau pandangan hukum. Dengan adanya fatwa ini, ia dilihat mempunyai potensi dan berkemampuan untuk mengurangkan kadar kemalangan, kecederaan dan kematian akibat nahas jalan raya, terutama dikalangan orang-orang yang berpegang dan beramal dengan ajaran Islam di negara ini. Selain itu, pihak jabatan-jabatan mufti juga menyatakan kesediaan untuk memberi sokongan, bantuan dan kerjasama dengan agensi berkaitan seperti Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan pemegang taruh lainnya didalam usaha meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di Malaysia. Hasil kajian boleh dijadikan asas untuk penyediaan dan penggubalan kertas kerja cadangan pengeluaran fatwa berkenaan kepentingan keselamatan jalan raya di Malaysia dalam masa terdekat.

Kata Kunci: Fatwa, keselamatan jalan raya, pandangan mufti.

PENDAHULUAN

Di Malaysia, lebih enam ribu orang mati setiap tahun atau 16 ke 17 orang mati setiap hari akibat nahas perlanggaran di jalan raya (Sarani *et al.*, 2018). Ini merupakan satu angka kematian yang besar dan membimbangkan semua pihak. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensi bagi mengurangkan angka ini, namun ia masih belum membuahkan hasil yang memberangsangkan. Sebagai sebuah negara Islam yang rakyatnya merupakan majoriti penganut Islam, usaha ke arah meningkatkan keselamatan jalan raya melalui penglibatan agamawan dan pihak otoriti agama dilihat sebagai satu potensi yang masih belum diterokai. Golongan cerdik pandai Islam dan penguasa agama mempunyai potensi besar untuk membantu dan bekerjasama didalam usaha ini, misalnya melalui siri ceramah, penerapan silibus keselamatan jalan raya ke dalam pendidikan Islam, taklimat-taklimat, khutbah-khutbah Jumaat dan sebagainya. Usaha ini, jika disusun secara teratur dan sistematik, berkemungkinan besar boleh membantu didalam menurunkan angka korban akibat nahas perlanggaran jalan raya. Ini kerana masyarakat Islam secara umumnya mendengar dan menerima pandangan serta buah fikiran yang datang dari golongan agamawan ini.

Pengeluaran fatwa di peringkat negeri dan kebangsaan mengenai kewajipan mematuhi peraturan jalan raya dilihat sebagai satu kaedah yang mampu untuk mempengaruhi masyarakat agar lebih berhati-hati di jalan raya. Ia boleh diwartakan dan diwar-warkan kepada segenap lapisan masyarakat secara berterusan sehingga mampu memberi kesan ke dalam hati sanubari masyarakat. Namun, hipotesis ini memerlukan kajian yang lebih mendalam agar apabila ia dilaksanakan nanti, ia akan membuahkan hasil yang diharapkan. Oleh itu, kajian ini menjurus kepada mendapatkan pandangan para mufti selaku otoriti agama di negara ini, agar mereka dapat berkongsi pandangan secara peribadi melalui pengetahuan dan pengalaman mereka yang luas didalam bidang hukum syarak dan pengeluaran fatwa. Kajian ini memfokuskan kepada memperoleh pandangan para mufti mengenai sejauh mana mereka bersetuju untuk mengeluarkan fatwa berkenaan kewajipan menjaga keselamatan di jalan raya, bagaimana fatwa itu nanti boleh disebarluaskan kepada masyarakat Islam, dan sejauh mana fatwa ini boleh mempengaruhi masyarakat Islam didalam meningkatkan pematuhan terhadap peraturan jalan raya, sekaligus mengurangkan kadar kemalangan, kecederaan dan kematian akibat nahas perlanggaran di jalan raya.

SOROTAN LITERATUR

Fatwa yang dikeluarkan oleh pihak otoriti agama atau jabatan mufti mengenai keselamatan jalan raya bukanlah satu perkara yang baru, malah ia pernah dikeluarkan di beberapa tempat di

dunia. Mufti Besar Dubai mengatakan bahawa orang-orang Islam hendaklah memberi perhatian terhadap fatwa yang menyatakan kepentingan mengikuti peraturan keselamatan jalan raya, dan mengabaikan undang-undang trafik adalah berdosa (NUAE, 2012).

Pihak *Muslim Board of Uzbekistan* (MBU) atau Majlis Muslim Uzbekistan telah mengeluarkan fatwa yang menyamakan kematian pemandu akibat memandu laju dengan membunuh diri sebagai satu kaedah untuk mempromosikan keselamatan jalan raya (Eurasianet, 2021). Fatwa dari Uzbekistan ini juga menjelaskan bahawa orang yang tidak mematuhi halaju yang ditetapkan tidak boleh menduduki kerusi pemandu kenderaan. Memandu kenderaan juga ditegah sekiranya mengancam keselamatan jalan raya atau sekiranya kenderaan berada didalam keadaan yang tidak selamat (Uzreport, 2021).

Apabila ditanya mengenai hukum tanggungjawab pemandu bagi pelanggaran trafik, *General Iftaa' Department* (Jabatan Fatwa Umum) Kerajaan Jordan memberi penjelasan yang agak panjang. Intipatinya adalah hukum fiqh berkaitan dengan jalan merangkumi yang lama dan baharu, dan sebahagian daripada tragedi pelanggaran jalan raya adalah termasuk didalam kesalahan hukum Syariah (General Iftaa' Department - The Hashimite Kingdom of Jordan, 2009).

Didalam ruangan soal jawab fatwa secara dalam talian bersama Shaikh Saalih Ibn Fowzaan, telah ditanya mengenai hukum melanggar halaju yang ditetapkan oleh pihak otoriti trafik - adakah dikira sebagai pelanggaran otoriti pemerintah (*ulil amri*)? Jawapannya ialah sama ada melanggar halaju atau tidak, memandu laju yang boleh mengundang marabahaya kepada pemandu dan orang lain adalah tidak dibenarkan kerana ia boleh menjadi sebab kematian diri dan orang lain. Oleh itu adalah tidak dibenarkan untuk meningkatkan kelajuan kenderaan melebihi paras normal yang boleh menjadi punca marabahaya (Fatwa-Online, 2015).

Mufti Besar Kerajaan Arab Saudi, Syaikh Abdul Aziz al-Syaikh telah menegaskan didalam fatwa beliau bahawa pemandu yang melanggar lampu merah telah menyalahi undang-undang trafik. Perbuatan ini membawa kepada dosa besar (Dawn, 2014).

Di Malaysia pula, Mufti Wilayah Persekutuan membincangkan mengenai hukum membunuh diri dengan sengaja melanggar peraturan trafik. Secara ringkasnya, orang ini dianggap berdosa disebabkan memandu secara melulu yang menyebabkan mudarat ke atas dirinya dan orang lain. Tambahan lagi, hukum membunuh diri adalah haram dan akan menerima hukuman berat di akhirat nanti (Mufti of Federal Territory's office, 2019). Mufti Wilayah Persekutuan juga membincangkan mengenai fiqh jalan raya sempena hari raya. Oleh kerana kebiasaan dan adat orang melayu yang pulang ke kampung semasa musim hari raya, maka perbincangan ini dibuat bagi meningkatkan sikap berhemah ketika perjalanan ke kampung halaman (Pejabat Mufti

Wilayah Persekutuan, 2019).

Semasa kajian ini dibuat, pihak Jabatan Mufti Negeri Perlis telah membuat langkah proaktif dengan mengadakan Seminar Feqah Jalan Raya peringkat negeri dan seterusnya mengeluarkan fatwa berkaitan kemudaran di jalan raya di sebabkan kecuai (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2022). Didalam fatwa ini, beberapa perkara telah digariskan seperti kewajipan pengguna jalan raya untuk mematuhi segala peraturan jalan raya bagi mengelakkan kemalangan, dan segala bentuk penggunaan jalan raya yang membawa kepada kemudaran adalah diharamkan. Menariknya, fatwa ini turut memuatkan peruntukan diyat iaitu denda sebagai ganti terhadap nyawa kepada waris simati. Walaubagaimanapun, mekanisma perlaksanaan perkara ini belum dibincangkan. Apapun, fatwa negeri Perlis ini merupakan satu objektif dari penyelidikan ini yang telah tercapai dan mendahului garis masa perancangannya.

Daripada sorotan literatur diatas, dapat disimpulkan bahawa pihak otoriti agama di negara-negara lain termasuk Malaysia turut sama membincangkan mengenai isu-isu keselamatan jalan raya. Bagi sesetengah isu, fatwa turut dikeluarkan bagi menegaskan hukumnya pada pandangan syarak. Walaubagaimanapun, dapat diperhatikan bahawa fatwa yang dikeluarkan bersifat tersendiri dan khusus kepada isu-isu semasa atau persoalan yang dibangkitkan. Fatwa yang menyeluruh seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan Fatwa Umum Kerajaan Jordan adalah contoh terbaik yang boleh dijadikan rujukan, namun ia masih boleh diperbaiki sekiranya ia melibatkan pakar-pakar dan pemegang taruh didalam bidang keselamatan jalan raya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode penyelidikan kualitatif secara deskriptif, iaitu temubual separa berstruktur (*semi structured interviews*) yang dijalankan ke atas 14 Peserta Kajian (PK) yang terdiri dari 13 mufti-mufti negeri dan satu mufti bagi Wilayah Persekutuan. Menurut Krejcie & Morgan (1970), sampel untuk populasi bersaiz 14 ialah 14 juga. Maka, temubual dijalankan ke atas semua 14 mufti di Malaysia bagi mewakili populasi seluruh negara agar menepati kaedah persampelan. Merujuk kepada instrumentasi penyelidikan, set soalan yang sama dan standard dibuat bagi diaju dan dibincangkan bersama para PK semasa sesi temubual dijalankan. Oleh kerana Mufti Perak baru kembali ke rahmat Allah semasa kajian dibuat, sesi temubual telah diadakan bersama Pemangku Mufti pada ketika itu. Diskusi di Jabatan Mufti Kedah pula dihadiri oleh kedua-dua Mufti dan Timbalan Mufti.

Reka bentuk soalan dibuat berdasarkan kriteria yang digariskan oleh Fowler (1984), seperti bertanyakan soalan sebagaimana yang ditulis, membawa maksud yang sama kepada semua para PK, dan boleh serta sanggup dijawab oleh para PK. Keesahan kaedah temubual ini dibuat

dengan memastikan perkara-perkara yang dilaporkan atau dinyatakan adalah apa yang benar-benar dikatakan oleh para PK, dan tafsiran penulis adalah menepati pemikiran dan pendapat para PK. Penerangan teori yang dibangunkan juga dipastikan agar sepadan dengan data. Dengan memastikan penerangan teori yang dibangunkan adalah sepadan dengan data. Melalui kaedah yang dicadangkan, keesahan hasil dapatan temubual dapat dicapai dan bersifat munasabah, boleh dipercayai, boleh diharap dan boleh dipertahankan apabila dicabar (Phillips, 2018). Selain itu, ia boleh digeneralisasikan sebagai pandangan otoriti agama di seluruh Malaysia. Sesi temubual telah dijalankan secara fizikal dan dalam talian (*online*) disebabkan oleh arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berubah dari masa ke semasa semasa kajian ini dibuat. Senarai PK adalah seperti didalam *Jadual 1*.

Jadual 1 Senarai Peserta Kajian (PK) yang di temuramah

<i>Peserta Kajian (PK)</i>	<i>Jawatan</i>
PK1	Mufti Negeri Sembilan
PK2	Mufti Negeri Melaka
PK3	Mufti Wilayah Persekutuan
PK4	Mufti Selangor
PK5	Mufti Pulau Pinang
PK6	Mufti Pahang
PK7	Mufti Terengganu
PK8	Mufti Sarawak
PK9	Mufti Sabah
PK10	Mufti Perak
PK11	Mufti Kelantan
PK12	Mufti Johor
PK13	Mufti Perlis
PK14	Mufti dan Timbalan Mufti Kedah

Kajian ini membincangkan secara umum mengenai persoalan yang diajukan kepada para PK, iaitu kesesuaian pengeluaran fatwa berkenaan kewajipan memelihara keselamatan di jalan raya. Oleh kerana kaedah persoalan bersifat terbuka, kadang-kadang pihak PK membahaskannya sehingga menyentuh perkara diluar dari ruang lingkup soalan yang diajukan. Ini adalah perkara yang biasa terjadi apabila metode temuramah sebegini digunakan kerana mengikut budi bicara penemubual dan PK (Othman Lebar, 2007; Mohamad, 2015). Oleh itu,

didalam bahagian dapatan kajian, penulis hanya memasukkan sebahagian jawapan dari para PK yang dirasakan relevan dengan persoalan yang dibincangkan.

ANALISIS KAJIAN

Bentuk keputusan fatwa yang dikeluarkan

Apabila satu-satu isu yang memerlukan keputusan fatwa dibawa ke jabatan mufti, terdapat salah satu dari dua jenis hasil atau *output* akan diperoleh. *Output* pertama ialah keputusan fatwa yang diwartakan atau digazetkan. Ia bersifat mengikat dan menjadi punca kuasa untuk dikuatkuasakan oleh pihak penguatkuasa. *Output* kedua pula ialah *Irsyad al-Fatwa* (yang bermakna nasihat, panduan atau petunjuk) atau dipanggil juga sebagai pandangan hukum. Kedua-dua bentuk *output* ini disebarluaskan sebagai pengetahuan dan panduan kepada masyarakat. PK2 menyatakan:

dan dari sudut pengeluaran fatwa dia ada dua tujuan lah ... satu disebut dengan tujuan pewartakan sebagai perundangan yang boleh dikuatkuasakan ... dan dikuatkuasakan sudah pasti lah di bawah enakmen pentadbiran agama Islam negeri lah ehh ... sepertinya dalam satu peruntukan di bawah enakmen kesalahan jenayah Syariah negeri ... adalah pelanggaran ke atas fatwa yang telah diwartakan ... okey ... jadi lebih-lebih lagi ... adalah berkaitan dengan hukum-hakam, aqidah ... hukum syarak dan sebagainya. Yang kedua ... dia adalah fatwa bersifat irsyad hukum ... irsyad hukum ni ialah sebagai satu panduan umum kepada masyarakat.

Menurut PK12, terdapat fatwa yang dikeluarkan bagi mengemaskan lagi hukum yang sudah ada. Terdapat juga fatwa yang dikeluarkan bagi menangani isu baru yang timbul. PK12 menjelaskan:

Kemudian dari segi fatwa ini, sebenarnya ada dua perkara, fatwa dikeluarkan dalam keadaan satu hukum itu memang sudah ada dan dikemaskan lagi dengan fatwa. Ada yang perkara baharu kemudian difatwakan. Jadi dua benda itu seiring dari keperluan sesuatu fatwa itu dikeluarkan untuk tujuan memandu masyarakat kita kepada hukum agama kita sendiri.

Secara ringkasnya, *output* keputusan fatwa dari jabatan mufti ialah **fatwa yang digazetkan** atau **pandangan hukum**.

Kesesuaian pengeluaran fatwa mengenai kewajipan memelihara keselamatan di jalan raya

PK13 bersetuju sekiranya penggazetan fatwa dibuat bagi menangani isu ini. Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, pihak jabatan PK13 telah mengeluarkan fatwa mengenainya. PK13 berkata:

Tajuk hukum fekah di jalan raya tidaklah begitu menarik. Depa kata aku nak bawa 'rileks-

reliks' depa nak kacau pula. Kita fokuskan, takyah cerita naik kereta laju, kita nak bincang orang yang menyebabkan kematian, apa dia kena buat sengaja, banyak tu, banyak yang melibatkan orang mati. Dan jangan kita rasa hukum Tuhan tu bukan saja bayar kat pemerintah saja, bayar tu satu hal, dia tu, kena taubat. Tu dari sudut fekah lah, kita akan jadikan fatwa ni pentinglah untuk negara.

PK11 juga sependapat dengan PK13. Isu pelanggaran di jalanraya yang mengakibatkan kematian adalah secara langsung berkaitan dengan perbuatan membunuh dengan separuh sengaja atau tidak sengaja. Perbuatan ini perlu dibayar dengan diyat sebagai pampasan (kepada keluarga mangsa pelanggaran). Ini boleh dilaksanakan sebagai tambahan kepada sistem insuran sedia ada. PK11 menyatakan:

Memang sangat sesuai... kita... apa ni... orang kata tambah baik lah yang sedia ada itu, apa lagi pada pandangan syarak bagaimana nak tambahkan lagi lah ... saya dok nampak satu lagi... kita perlu ketengahkan ialah... kemalangan jalan raya boleh dikategorikan pelbagai lah, samada... barangkali untuk jenayah pembunuhan berlaku secara sengaja barangkali tu jarang lah ...kata dengan menggunakan kenderaan motor ka kereta ka... membunuh orang lain... maknanya membunuh dengan sengaja barangkali sangat kecil la kalau ada pun, tapi yang kita kata separuh sengaja atau tak sengaja ni dalam Islam ada kena bayar itu diyat... kita kena perkenalkan in ... memang pun kita dah ada insurans, tetapi kita kena perkenalkan bahawa dalam Islam... diyat ini bayaran pampasan tu ... biar menampakkan bahawa ini adalah pandangan Islam ... sesuai dengan masa kini lah... kalau macam Thailand ... macam mana pun pemandu yang salah... kalau Saudi pun memang begitu ... semuanya kena hati-hati.

PK4 turut bersetuju sekiranya fatwa dikeluarkan kerana ia melibatkan nyawa dan kecederaan.

PK4 menyatakan:

.. apa-apa yang berkaitan dengan hukum syarak itu boleh kami bagi input dan boleh kami terlibat apa-apa yang melibatkan hukum syarak. Contohnya kalau Dr. tiba-tiba berfikir hendak buat satu kajian, kajian..., kajian memandu laju melebihi had yang ditetapkan kaitan dengan hukum dan maqasid syariah, tu kita boleh masuk. Sebab ada hukum dan maqasid. Ataupun tiba-tiba nak buat kajian yang lebih mikro lagi, kesan tidak buat maintenance kepada kenderaan mengikut jadual, kesan dari sudut maknanya kita kata impact kepada kemalangan jalan raya dan kemudian tengok juga kepada perspektif hukum syarak. Tu boleh masuk. Ada kaitan dengan hukum, kita masuk.

Kemudian yang lain-lain daripada itu, kita boleh tengok juga Dr., yang berkaitan macam saya sebut tadi tu, adakah kemalangan jalan raya yang melibatkan nyawa dan kecederaan itu boleh dikaitkan dengan hukuman membunuh atau mencederakan dalam hukum syarak. Itupun, kalau yang itu kita boleh masuk. Pendeknya, apa-apa yang berkaitan hukum syarak sama ada hukum taqlifi, wajib, sunat, makruh, haram ataupun hukum wad'i, sah, batal, syarat, sebab, yang itu memang jabatan mufti berbidang kuasa Inshaa Allah.

PK9 turut menyatakan keperluan untuk mengeluarkan fatwa kerana isu yang sama seperti dinyatakan oleh PK13 dan PK11 diatas. PK9 menyatakan:

Ia bergantung pada 'case by case', sama ada irsyad ataupun fatwa; kalau ia melibatkan sesuatu yang mungkin besar... melibatkan nyawa maka fatwa saya rasa perlu dikeluarkan;

katalah isu jalan raya yang boleh menyebabkan kehilangan nyawa misalnya, saya fikir ini patut ada fatwa mengenainya; sebab bukan sekadar haram dari sudut hukum syarak tetapi juga dari segi undang-undang.

Bagi PK14, pengeluaran fatwa mengenai kewajipan mematuhi peraturan jalan raya adalah bergantung kepada keadaan atau situasi semasa. Pandangan hukum dirasakan sudah memadai. Namun jika wujudnya keperluan disebabkan keadaan yang mendesak atau tiada pilihan lain, misalnya jumlah pelanggaran dan kematian di jalan raya masih terus meningkat, maka pewartaan atau penggazetan fatwa boleh dipertimbangkan bagi meningkatkan lagi tahap penguatkuasaan yang sedia ada. PK14 (Mufti) menyatakan:

Kita akan melihat adakah ini akan duduk dalam bahagian pandangan atau boleh digazetkan. Jika kita katakan peratus kemalangan jalan raya ini semakin meningkat dan kita tidak ada jalan yang lain maka kita akan pertimbangkan untuk diwartakan walaupun sebenarnya undang-undang jalan raya hari ini pun sudah kuat, berkenaan dengan kenderaan, pematuhan jalan raya semua sudah kuat, tapi maknanya perangai pengguna jalan raya kita sendiri dan tahap kepatuhan masih kurang. Jika keperluan itu ada dan tiada pilihan maka boleh digazetkan. Digazetkan ini bermaksud dari segi peruntukan ada untuk menangkap orang bagi setiap fatwa dan sebagainya namun dari segi perlaksanaan itu melihat kepada kesesuaian .

PK8 mempunyai pandangan yang sama dengan PK14, iaitu fatwa atau pandangan hukum boleh dikeluarkan mengikut kesesuaian keadaan. PK8 juga menambah bahawa walaupun setakat pandangan hukum, masyarakat tetap akan mendengar dan menurutinya kerana kepercayaan masyarakat terhadap institusi mufti. PK8 menyatakan:

Dia boleh kedua-dua , secara umumnya keselamatan jalan ... I think dari sudut tadi tu mungkin ada mufti yang bagi pandangan bahawa tidak perlu difatwakan lagi sebab kita ambil kepada : (أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ) “ taatlah kepada Allah, taatlah kepada rasul dan pemimpin di kalangan kamu. So pemimpin di kalangan kamu dalam konteks sekarang adalah kerajaan. Anything yang kerajaan katakan itu wajib dari sudut undang-undang, maka itu hendaklah dipatuhi oleh semua oranglah, termasuk umat islam. Dalam konteks itu kita tak perlu kepada fatwa khusus misalnya, tetapi ia perlu dijelaskan, dihuraikan ketaatan kepada perkara tersebutlah. Tetapi sekiranya kita dapati difficulties ataupun kepayahan dan kesukaran, masyarakat sukar menerima, dan perlukan kepada fatwa khusus, disitu boleh juga kita putuskan contohnya vaksin misalnya, kita lihat sekarang. Kita lihat dari sudut fatwa vaksin adalah harus dan wajib diambil bagi orang yang ditentukan oleh kementerian ataupun kerajaan pada masa sekarang, siapa yang diwajibkan, so now fatwa yang dikeluarkan adalah harus, harus maknanya everybody boleh ambil ataupun tidak, tetapi dalam klausa itu, dalam sighah fatwa itu kita ada kata, harus dan wajib bagi orang yang telah ditentukan oleh kerajaan. Misal contohnya kerajaan katakan frontliners, semua frontliners hendaklah divaksin 2 dos misalnya, dalam keadaan itu, maka jatuhlah fatwa tadi dari sudut kewajipan, dia wajib untuk mematuhi. Sekiranya dia tidak mahu, dia boleh diambil tindakan dari sudut itu. Ini yang saya maksudkan tadi mungkin perlu kepada fatwa khusus. Tapi generally, kalau biasanya terutama diperingkat awal kita tengok tidak ada masalah sangat untuk emm... kadang-kadang masyarakat islam ni pun bila tengok penjelasan dari ulamak, dan sebagainya ataupun jabatan Mufti, ataupun mana-mana agensi agama, biasanya setakat inilah, saya punya observation.

Alhamdulillah, masyarakat sangat menerima, memberi kepercayaan kepada pandangan kita. Dalam keadaan itu kadang-kadang kita tak keluarkan fatwa, yang dalam bentuk diwartakan.

PK12 berpendapat bahawa tidak semua perkara-perkara baru perlu difatwakan. Perkara-perkara keduniaan seperti peraturan kenderaan dan jalanraya tidak berkaitan dengan hukum syarak. Namun, isu-isu keselamatan (yang melibatkan tingkah laku manusia) adalah perlu difatwakan. PK12 menyatakan:

bukan semua perkara yang kita buat secara umumnya perlu difatwakan. Itu lebih kepada soal pentadbiran dan mungkin lebih kepada soal-soal lain. Dari segi peraturan berkenderaan atau peraturan di atas jalan raya tidak ada sama sekali kaitan dengan hukum syarak. Sebagai contoh peraturan kenderaan yang kita wajibkan menghadkan cermin gelap, yang itu kita ingat tak perlu sampai kepada fatwa. Yang lebih kepada keselamatan hal itu kita perlu untuk difatwakan supaya dapat penjelasan kepada masyarakat.

Menurut PK5, fatwa boleh dikeluarkan jika keadaan mendesak. Walau bagaimana pun, adalah baik jika pandangan hukum dikeluarkan dulu sebagai nasihat dan memberi kefahaman kepada masyarakat.

PK5 berkata:

..kalau keadaan begitu terdesak tu, kita boleh, tapi biasanya kita ... sesuatu isu yang kita rasakan perlu diwartakan tu ... kita mula dengan irsyad hukum dulu, kita nasihat dulu ... di pulau pinang ni sejak kita merdeka dulu, sejak mufti pertama Syeikh Abdullah Fahim dia jadi Mufti Pulau Pinang dulu sampai sekarang ni ... saya ni mufti kelapan lah. Keputusan mesyuarat jawatankuasa fatwa lebih dua ratus saya ingat ... 280 ataupun 258 berapa ... kalau tak silap ... keputusan yang pernah kita keluarkan. Cuma yang difatwakan hanya sikit saja ... dalam 50 lebih jugak ... dalam 200 lebih tu dalam 50 berapa gitu jaa. Apa yang kita makna isu-isu yang penting sangat lah. Jadi dalam isu kesalahan jalan raya ni boleh dipertimbangkan tapi kita mula dengan itu lah ... dengan irsyad hukum dulu. Bagi masyarakat paham dulu.

PK6 mengatakan bahawa kesedaran mengenai kesalahan melanggar peraturan jalan raya perlu diberi kepada masyarakat. Dengan kata lain, PK6 bersetuju dengan pengeluaran pandangan hukum. PK6 menyatakan:

Boleh-boleh, sebab ada orang dia anggap melanggar 'traffic light' itu kesalahan jalan raya sahaja, dia anggap tiada kaitan dengan hukum. Makna kita beri kesedaran. Kita boleh beri kesedaran bahawa dalam hal keselamatan jalan raya ini hadis Rasulullah jelas suruh mengajar, mendidik umatnya supaya berakhlak apabila berada di jalan raya, itu satu pesanan dari Rasulullah SAW sendiri. Mana ada agama lain yang menyebut tentang ini.

PK2 menyatakan bahawa pandangan hukum sudah cukup kuat untuk menangani isu ini:

dalam kes keselamatan jalan raya ni ... kalau berlaku nanti diwartakan ... bererti satu pelanggaran hukum syarak lah ... yang kedua kita takut dia conflict of err ... perundangan iaitu apani ... akta JPJ akta lalu lintas jalan raya ... dengan akta ... akta kesalahan enakmen kesalahan agama negeri lah.

okay itupun bagi saya dah cukup kuat lah (dengan pandangan hukum) ... kerana kita khuatir

kalau kita wartakan ... nanti kesalahan melanggar ... tak pakai helmet ni ... dia boleh didakwa di mahkamah Syariah ... sebenarnya bidang kuasa mahkamah Syariah adalah melanggar fatwa ... tetapi oleh kerana jalan raya ni adalah akta lalu lintas ... kena selesai dekat lalu lintas ... yang kedua ... dia akan pergi pulak enakmen kita ni terpakai untuk orang Islam saja ... jadi fatwa kita terpakai untuk orang Islam saja ... haa ... untuk panduan hukum ... jadi bagi saya ... dalam kes ini ialah ... kita nak mengingatkan masyarakat kita lah ... bahawa kepatuhan kepada peraturan jalan raya itu adalah satu tuntutan yang tidak bertentangan dengan tuntutan syarak ...

PK1 berpendapat bahawa pandangan hukum boleh dibuat dengan memperincikan kesan-kesan akibat pelanggaran peraturan jalan raya:

Contoh macam rokok tadi tulah, ia memudaratkan jadi ia tidak bolehlah. Dalam kata lain kita boleh menfatwakan secara umumnya tetapi perincikanlah apa yang boleh membawa kepada kesan-kesan.

Dia fatwa ini kita tengok keselamatan itu bukan keselamatan dia sorang, tetapi juga keselamatan pada orang lain, Misalnya dia mabuk bukan sahaja dia mati tetapi ada juga orang lain mati, jadi di sini dia tidak menjaga keselamatan dirinya dan keselamatan orang lain dan bukan sahaja nyawa, harta benda juga akan rosak dan ini semua termasuk dalam maqasid syariah.

Menurut PK7, walaupun beliau tidak menyebut tentang perkara ini secara khusus, namun dinyatakan bahawa perkara keselamatan jalan raya juga berpaksikan kepada aqidah kerana keredhaan Allah Bersama dengan keredhoan Ulil Amri. Oleh itu, selagi peraturan-peraturan yang disusun oleh Ulil Amri tidak bercanggah (dengan syariat) bahkan membawa kebaikan kepada manusia, maka ia termasuk didalam menjaga agama itu sendiri. Ini kerana agama adalah bersifat syumul dan menyeluruh. Oleh itu, kita kena memberi perhatian khusus (melalui pengeluaran pandangan hukum), misalnya pemandu-pemandu yang mabuk, menghisap dadah atau 'minda tidak seimbang' boleh menimbulkan masalah (kepada pengguna jalan yang lain).

PK 7 berkata:

kita kena paham Islam ni dia bukan hanya sekadar pada benda-benda yang teras sahaja ... bukan hanya rukun Iman, rukun Islam saja lah ... tetapi sebenarnya macam kita kata dalam doa iftitah

إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ... jadi itulah asas yang kita nak bawak ... dan benda ni berasas kepada akidah sebenarnya ... akidah ni mindset lah ... cara kita berfikir untuk mendapat keredhaan Allah yang paling utama ... dan juga keredhaan manusia lah ... tapi kita melihat bahawa keredhaan Allah tu bersama jugak dengan keredhaan Ulul Amri ... keredhaan rakyat manusia apa semua tu yang terasnya Ulul Amri lah ... jadi di situ lah kena ikut benda-benda yang tidak bercanggah bahkan kebaikan untuk manusia itu sendiri ...

pengguna jalan raya ni pun ... bukan semua yang balance ... yang seimbang minda dia ... sebab ada jenis manusia yang memang sakit jiwa pun ... tapi bawak kereta jugak ... haa ini yang kita jadi masalah ... sebab tu antara perkara yang kita lihat macam ... memandu semasa mabuk dan sebagainya kan ... benda-benda tu perlu kita ambil perhatian lah ... mungkin hisap dadah dan sebagainya ... benda-benda macam tu lah.

Daripada pengalaman, PK10 menjelaskan bahawa setakat ini belum ada fatwa yang digazetkan yang berkaitan dengan isu keselamatan jalan raya. Namun usaha-usaha bagi menimbulkan ‘awareness’ (kesedaran dikalangan masyarakat) itu ada. Ini menjurus kepada pemahaman bahawa PK10 cenderung kepada pengeluaran pandangan hukum. PK10 menyatakan:

Kalau mengenai fatwa yang digazetkan setakat ini tidak ada lah. Tetapi dari sudut membangkitkan kesedaran awareness tu, itu ada. Dari sudut aktiviti, khutbah-khutbah ada, kemudian.... dan kita galakkan guru-guru agama kita bercakap di masjid-masjid dan surau mengenai, dia termasuk dalam perbincangan maqasid syariah tu lah, menjaga nyawa, menjaga harta.... itulah. Tapi dari sudut fatwa memang tak ada lah.

Menurut PK3, isu ini tidak perlu kepada fatwa (yang memberi implikasi penguatkuasaan oleh pihak penguatkuasa agama) kerana perkaranya sudah jelas. Yang penting ialah konsep dan konteks kesedaran masyarakat (melalui pandangan hukum). Ini boleh dibantu oleh agensi-agensi agama. PK3 menyatakan:

Dia sebenarnya bukan semua perkara kita perlu fatwakan sebab perkara-perkara yang sudah bersifat jelas dalam agama sebagai contoh dalam keselamatan jalan raya dan sebagainya, ia suatu perkara everybody aware, kepentingan menjaga keselamatan jalan raya, jangan bawa laju, kena patuh peraturan jalan raya, benda tu benda yang bersifat semua orang sudah tahu Cuma tinggal lagi kepatuhan masyarakat. Ia macam masalah seperti mencuri, kita dah tak boleh fatwa dah mencuri ni sebab orang tahu mencuri itu berdosa, tinggal kepatuhan orang yang mencuri itu sahajalah.

Jadi isu keselamatan jalan raya ini ia sudah ada satu undang-undang khusus tentang itu. Jadi, undang-undang itu sudah boleh diguna pakai bagi memastikan kepatuhan orang ramai kepada keselamatan jalan raya. Yang fatwa ini biasanya kita akan pergi kepada perkara-perkara yang tidak jelas lagi apa hukumnya. Contoh seperti vaksin, orang tak jelas, boleh atau tak boleh perlu atau tak perlu, jadi kita bawalah fatwa. tapi tentang kesamatan jalan raya ini everybody know tentang kepatuhan kita kepada jalan raya dan kalau kita tak patuh kita boleh eksiden atau terdedah kepada apa-apa yang di jalan raya kan. Jadi isu itu telah pun disedari dan difahami, tinggal lagi pelanggaran kepada perkara itu balik kepada individu-individu berkenaan yang tidak patuih kepada undang-undang sebagaimana dalam undang-undang lain lah.

Jadi saya tidak nampak kalau kita kata undang-undang jalan raya ini nak difatwakan, ia perkara yang sama juga macam fatwa-fatwa lain, yang jika difatwakan perlu kepada penjelasan, penerangan, untuk mereka itu memahami fatwa kita kan. Kalau undang-undang jalan raya ini sudah ada undang-undang dan sudah ada badan yang buat undang-undang yang boleh dikuatkuasakan melalui badan berkenaan. Undang-undang sudah ada kan. Tapi fatwa kalau kita nak gazetkan, ia dah macam overlap lah. Dan satu lagi kalau nak digazetkan dalam undang-undang fatwa ini pun ia tidak masuk bidang dia. Bukan kerja agensi agama pergi tangkap orang yang melakukan kesalahan jalan raya. Kalau kita nak fatwa pun kita ambil satu tugasan dihandle oleh agensi lain dan agensi itu pun sudah ada undang-undang sendiri.

Benda-benda ini bukan dari konteks fatwa ataupun dalam konteks pewartaan fatwa, tetapi ia lebih kepada konsep kesedaran dikalangan masyarakat yang juga boleh dilibatkan oleh agensi-agensi agama dalam proses itu. Setakat yang kita sedar tentang kepatuhan kepada kepatuhan jalan raya dan sebagainya.


DAPATAN KAJIAN

Daripada perbincangan bersama para PK, soalan mengenai kesesuaian pengeluaran fatwa (sama ada digazet atau memadai dengan pandangan hukum) telah dibincang dan diberikan pandangan dengan jelas. *Jadual 2* meringkas dan merumuskan pandangan ini dari yang paling kuat, iaitu penting bagi mengeluarkan fatwa yang boleh menjadi punca kuasa penguatkuasaan, sehingga kepada pandangan bahawa pandangan hukum adalah memadai.

Jadual 2 Ringkasan pandangan para PK mengenai kesesuaian pengeluaran fatwa berkenaan kewajipan memelihara keselamatan di jalan raya

<i>Ringkasan pandangan</i>	<i>PK</i>
Fatwa ini penting untuk negara.	PK13
Sangat sesuai.	PK11
Boleh dikaji dan dikeluarkan, misalnya apabila melibatkan hukum membunuh atau mencederakan.	PK4
Perlu jika melibatkan perkara besar seperti nyawa.	PK9
Perlu jika wujud keperluan mendesak dan tiada jalan lain. Jika tidak, pandangan hukum sudah memadai.	PK14
Perlu sekiranya wujud kesukaran seperti masyarakat sukar menerima (untuk mematuhi peraturan jalan raya bagi memelihara keselamatan). Jika tidak, pandangan hukum sudah memadai.	PK8
Perlu jika ia melibatkan isu-isu keselamatan (yang berhubungkait dengan tingkah laku manusia).	PK12
Boleh dikeluarkan jika keadaan begitu mendesak, namun sebaik-baiknya didahulukan dengan pandangan hukum bagi mendidik masyarakat.	PK5
Boleh dikeluarkan pandangan hukum bagi memberi kesedaran kepada masyarakat.	PK6
Pandangan hukum sudah cukup kuat.	PK2
Boleh dikeluarkan fatwa secara umum (melalui pandangan hukum) dengan perincian kesan-kesan jika tidak mengikutinya.	PK1
Perhatian khusus perlu diberikan terhadap isu-isu melibatkan pemandu (melalui pandangan hukum).	PK7
Perlu dibangkitkan kesedaran di kalangan masyarakat (melalui pandangan hukum).	PK10
Tidak perlu kepada fatwa kerana perkaranya sudah jelas. Yang penting ialah konsep dan konteks kesedaran masyarakat (melalui pandangan hukum). Ini boleh dibantu oleh agensi-agensi agama.	PK3

PK11, PK3, PK4 dan PK9 mengatakan perlu kepada fatwa yang digazetkan. PK14, PK8, PK12 dan PK5 pula mengatakan bahawa fatwa boleh dikeluarkan dengan bersyarat. PK6, PK2, PK1, PK7 PK10 dan PK3 pula menyatakan sama ada secara langsung atau tidak langsung, bahawa isu keselamatan jalan ray aini memadai untuk ditangani melalui pandangan hukum sebagai nasihat kepada masyarakat. Dari segi peratusannya, 4 daripada 14 mufti bersetuju agar fatwa dikeluarkan (28.6%), 4 daripada 14 mufti (28.6%) bersetuju fatawa dikeluarkan dengan bersyarat, manakala selebihnya iaitu 6 daripada 14 mufti (42.8%) bersetuju bahawa pandangan hukum sudah memadai. *Carta 1* menunjukkan keputusan ini didalam bentuk carta *pie*.



Carta 1 Peratusan pandangan para mufti di Malaysia berkenaan kesesuaian pengeluaran fatwa mengenai kewajipan mematuhi keselamatan jalan raya

Ini bermakna, kesemua PK bersetuju supaya perkara ini dibawa ke peringkat seterusnya, misalnya ke peringkat Muzakarah Fatwa Kebangsaan untuk dibincang dan diputuskan, dan seterusnya dibawa ke negeri masing-masing, sama ada sebagai fatwa yang digazetkan, atau sebagai pandangan hukum.

Daripada sesi temubual yang dijalankan, penulis mendapati bahawa kesemua PK bersetuju, menyokong dan mendokong usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat berkenaan kepentingan memelihara keselamatan jalan raya dan mereka bersedia untuk membantu didalam usaha ini.

RUMUSAN

Dengan kematian sebanyak lebih dari enam ribu jiwa setiap tahun akibat pelanggaran jalan raya di Malaysia, isu ini menjadi sangat serius dan memerlukan bantuan dan kerjasama semua pihak untuk menanganinya, termasuk golongan agamawan dan cerdik pandai Islam. Fatwa daripada jabatan agama di setiap negeri, wilayah dan diperingkat kebangsaan dirasakan akan dapat banyak membantu didalam usaha ini. Melalui sesi temuramah yang dijalankan ke atas semua 14 mufti-mufti di Malaysia bagi melihat kesesuaian untuk perkara ini difatwakan, 4 bersetuju untuk fatwa digazetkan, 4 lagi bersetuju fatwa digazetkan dengan bersyarat, manakala selebihnya berpendapat pandangan hukum sudah memadai. Namun, keseluruhannya bersetuju agar isu ini perlu ditangani dan dibantu sepenuhnya oleh pihak jabatan-jabatan mufti dan pihak penanggungjawab agama lainnya. Hasil kajian ini sangat membantu didalam proses perbincangan bersama pihak pemegang taruh lainnya agar ia dapat diangkat ke peringkat seterusnya sehingga pengeluaran fatwa dapat dicapai.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) kerana telah memberikan geran bagi menjalankan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdullah Murad, F. (2013). *Al-Muqaddimah fi Fiqh al-'Asr*. Maktabah al-Jil al-Jadid. Yaman.
- Dawn (2014). *Saudi Grand mufti terms jumping traffic light 'haram'*. Diambil 12 September 2022, daripada <https://www.dawn.com/news/1103205>.
- Eurasianet (2021). *Uzbekistan: Clerics declare fatwa against dangerous driving*. Diambil 11 September 2022, daripada <https://eurasianet.org/uzbekistan-clerics-declare-fatwa-against-dangerous-driving>.
- Fatwa-Online (2015). *Exceeding the speed limit*. Diambil 12 September 2022, daripada <https://www.fatwa-online.com/exceeding-the-speed-limit/>
- Fowler, F.J. (1984). *Survey Research Method. Volume 1 of applied social research methods series*. Saga Publications.
- General Iftaa' Department - The Hashimite Kingdom of Jordan (2009). *Islamic ruling on driver's responsibility for traffic accidents*. Diambil 12 September 2022, daripada <https://www.aliftaa.jo/Question2En.aspx?QuestionId=408#.YypqUHZBzGK>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining sample size for research activities*. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607-610.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis (2022). *Keputusan mesyuarat jawatankuasa fatwa negeri Perlis kali ke – 57 /2022 7 April 2022 / 5 Ramadan 1443H, Bil. 3/57 Tahun 2022*.

Mohamad, M.N. dan Mamat, Z. (2015). *Penerimaan dan penyelarasan fatwa muzakarah jawatankuasa fatwa majlis kebangsaan bagi hal ehwal ugama Islam Malaysia oleh negeri-negeri*. Jurnal INFAD.

Mufti of Federal Territory's Office (2019). Al-Kafi #1491: The ruling of committing suicide by purposely violating traffic rules. Diambil 13 September 2022, daripada <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3914-al-kafi-1491-the-ruling-of-committing-suicide-by-purposely-violating-the-traffic-rules>.

NUAE (2012). *Mufti says ignoring traffic law is sinful*. Diambil 10 September 2022, daripada <https://www.thenationalnews.com/uae/mufti-says-ignoring-traffic-law-is-sinful-1.455847>

Othman Lebar (2007). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metod*. Cetakan ke-2. Tanjung Malim, Perak. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2019). *Bayan linnas siri ke-180: Fiqh jalan raya sempena ari raya*. Diambil 13 September 2022, daripada <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3443-bayan-linnas-siri-ke-180-fiqh-jalan-raya-sempena-hari-raya?highlight=WyJwZXJhdHVyYW4iLCJqYWxhbGlzInJheWEiLCJwZXJhdHVyYW4gamFsYW4iLCJwZXJhdHVyYW4gamFsYW4gcmF5YSIsImphbGFuIHJheWEiXQ==> .

Phillips, J.A. (2018). *AMRM5104 Metodologi Penyelidikan*. Open University Malaysia.

Sarani, R., Hamidun, R., Rahim, S. A., Roslan, A., Jamaludin, N., & Harun, N. Z. (2018). Road Safety in Malaysia. *Proceedings of ASEAN Road Safety Conference* (pp. 128-133). Kuala Lumpur: MIROS.

Uzreport (2021). *Uzbekistan's Muslim Administration issues Fatwa as road accidents soar*. Diambil 11 September 2022, daripada <https://uzreport.news/society/uzbekistan-s-muslim-administration-issues-fatwa-as-road-accidents-soar>.